


**13 APRIL 2023**

**Disediakan oleh: Rafidah Muhamad Sam**



Pada 13 April 2023 yang lalu, bersempena dengan Program World#Quranhour yang berlangsung di seluruh dunia, PTAR UiTM Cawangan Pulau Pinang dengan kerjasama Unit Hal Ehwal Islam, UiTM Cawangan Pulau Pinang juga tidak ketinggalan mengadakan program bacaan dan tadabbur Surah Al-Insan bersama staf dan pelajar UiTM Cawangan Pulau Pinang Kampus Permatang Pauh.

Pada tahun ini, Surah al-Insan dipilih dengan membawa tema “memanusiakan manusia” melalui agenda Humanising the Home, Humanising the Workplace, Humanising the Nation serta Humanising the World dalam usaha merealisasikan misi masuk syurga sekeluarga. Surah Al-Insan mengajar beberapa perkara iaitu memperbetul pemikiran kita bahawa kita ini hamba Allah dan menjadikan Al-Quran sebagai panduan hidup serta mengajar kita bersyukur dengan rahmat Allah walaupun di dalam kesukaran.

Program yang berlangsung di ruang Library Community Engagement (LCE) PTAR UiTM CPP ini dimulakan dengan bacaan Surah Al-Insan beramai-ramai di bawah pimpinan Ustaz Mohd Khairuddin Md Sul Haimi, Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam, UiTM CPP. Tadabbur Surah Al-Insan pula telah disampaikan oleh Ustaz Mohd Adenan Mohd Yusoff, Pegawai Hal Ehwal Islam, UiTM CPP.

Program yang dihadiri seramai 102 orang peserta yang terdiri daripada staf dan pelajar UiTM CPP Kampus Permatang Pauh ini diharap dapat mencapai objektif misi iaitu menggalakkan interaksi dengan Al-Quran serta menggarap nilai-nilai mulia yang dihayati daripada surah-surah dalam Al-Quran.



Gambar-gambar separang program World#Quranhour 2023

Gambar-gambar separang program World#Quranhour 2023